

18 OCT 1999

IMF-MALAYSIA

SUKAR UNTUK NYATAKAN HASIL SEBENAR KAWALAN MODAL MALAYSIA, KATA IMF

Oleh: Tham Choy Lin and Mohamed Kamel Othman

SINGAPURA, 18 Okt (Bernama) -- Timbalan pengarah urusan pertama Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) Stanley Fischer masih belum yakin mengenai keberkesanan kawalan modal yang digunakan oleh Malaysia dan berkata adalah sukar untuk menyatakan hasil sebenar pelaksanaannya semasa krisis ekonomi rantau ini.

"Kawalan itu dikenakan pada ketika apabila aliran modal ke rantau ini mengukuh di semua negara dan kebanyakan matawang negara-negara telah menjadi kukuh sejak itu.

"Kawalan itu tidak diuji berbanding tekanan menurun, berbanding tekanan pengeluaran," katanya pada persidangan akhbar di pinggiran Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur di sini hari ini.

Sebelum itu, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang berucap mengenai pemulihan dan asas-asas ekonomi Malaysia di dalam ucap utama pada sidang yang sama berkata, kawalan matawang itu adalah satu tindakan yang sukar untuk dilaksanakan dengan jayanya.

"Saya tidak memperakukannya bagi sesiapa. Saya tidak memperakukannya bagi Malaysia di dalam keadaan yang berlainan. Tetapi tiada sesiapa telah membuat kesimpulan bahawa langkah-langkah matawang itu yang kami perkenalkan pada 1 Sept 1998 merupakan satu kegagalan yang hebat, katanya.

Fischer berkata ia memihak kepada Malaysia yang negara itu telah kekal dalam penyusunan semula sektor kewangan setelah penguatkuasaan kawalan itu di tengah-tengah kebimbangan yang negara-negara mungkin menggunakan langkah-langkah sepertinya untuk mengelakkan pembaharuan.

Katanya adalah juga penting bahawa kawalan itu telah dilonggarkan dengan banyaknya dan kini berasaskan harga.

Kini terdapat "lebih banyak penyatuan" di antara Malaysia dan masyarakat antarabangsa berhubung dengan aliran modal, terutamanya untuk mengalu-alukan tidak sebaliknya menolak pelaburan langsung asing, kata Fischer.

Beliau menghujah bahawa terdapat persefahaman yang lebih rapat yang kawalan modal boleh digunakan sebagai langkah sementara terhadap aliran modal jangka pendek di mana sistem kewangan atau dasar-dasar makro-ekonomi adalah lemah.

Beralih kepada pemulihan pantas rantau ini, Fischer memperingatkan terhadap sikap berpuas hati dan menggesa negara-negara, termasuk yang dengan ekonomi-ekonomi yang berjaya, supaya memperkukuhkan struktur ekonomi dan sistem kewangan mereka bagi memastikan pertumbuhan yang mapan.

"Saya mempunyai sebab untuk mengingatkan terhadap sikap puas hati. Ketika pemulihan berjalan, seseorang lebih perlu bimbang yang penyusunan semula asas-asas, yang sedang berjalan, dan penyusunan semula korporat, yang kurang berubah, mungkin diperlahankan," katanya.

Beliau juga berkata negara-negara dengan sistem yang lemah akan mudah terjejas oleh turun-naik antarabangsa yang akan berlaku kerana "ia tidak boleh dielakkan".

-- BERNAMA

TCL/MKO LPS OS